

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17 JULY 2016

Dr. M tidak yakin kemampuan pakatan pembangkang

REMBAU 16 Julai - Hasrat bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk menubuhkan sebuah parti baharu menunjukkan beliau tidak yakin dengan kemampuan pakatan pembangkang bagi menentang Barisan Nasional (BN).

Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin berkata, keadaan itu mendorong Dr. Mahathir keluar daripada persaraannya dan me-

rancang penubuhan sebuah parti politik dalam masa terdekat.

“Ini adalah tanda beliau tidak yakin terhadap parti-parti pembangkang iaitu DAP, PKR dan PAN. Kalau yakin tidak perlulah beliau tubuhkan parti baharu dalam usianya yang telah mencecah 90 tahun.

“Mungkin harapannya semasa melancarkan Deklarasi Rakyat dahulu, pembangkang kuat tetapi

akhirnya beliau mendapati pembangkang tidak mendapat sokongan pengundi.

“Apabila mereka gagal dalam Pilihan Raya Kecil dan Pilihan Raya Negeri Sarawak baru-baru ini, Dr. Mahathir sedar beliau tidak boleh bergantung kepada rakan-rakan dalam pembangkang,” katanya selepas Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri anjurannya di sini, hari ini.

um-17/7/2016